



SALBIAH TENGGU NUJUMUDIN (duduk, tengah) bersama wakil agensi kerajaan, NGO, institusi pendidikan, hospital swasta dan pasukan keselamatan menunjukkan borang wakaf al-Quran sempena Tadarus al-Quran 2015 yang diedarkan pada majlis penyerahan borang itu di Seremban, baru-baru ini.

Projek wakaf al-Quran dapat sambutan

SEREMBAN 25 Mei - Projek wakaf al-Quran sempena Tadarus al-Quran Perdana 2015 mendapat sokongan pelbagai pihak apabila lebih 8,000 borang wakaf telah diedarkan kepada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan pasukan keselamatan.

Yang Dipertua Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) dan Persatuan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-pegawai Kanan Negeri Sembilan (Pekerti), Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumudin berkata, sambutan yang diberikan semua pihak terhadap projek wakaf berkenaan memberi perkembangan baik terhadap penganjuran tadarus tersebut.

"Sebanyak 8,000 borang wakaf al-Quran telah diedarkan pada Jumaat lalu dan bermulalah kempen wakaf tersebut sehingga 12 Jun ini, dengan NSWO dan Pekerti menasaskan sebanyak 10,000 hingga 20,000 naskhah al-Quran dapat dikumpulkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Katanya, pada majlis penyerahan yang berlangsung pada Jumaat itu, sebanyak 40 wakil pelbagai agensi yang menjadi peserta dalam Tadarus al-Quran Perdana, 2015 telah pun mengambil borang wakaf berkenaan di bangunan NSWO di sini.

"Kita amat berharap, lebih ramai lagi yang datang mendapatkan borang wakaf al-Quran itu dan sama-sama menyertai program tadarus al-Quran yang akan diadakan bermula 18 Jun sehingga 4 Julai akan

datang, sempena bulan Ramadan al Mubarak," katanya.

Agensi yang hadir pada majlis penyerahan itu ialah wakil NSWO, Pekerti, Persatuan Wanita Prihatin Negeri Sembilan (Perwatin), Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita), Wanita UMNO, Puteri UMNO, Bakat Negeri Sembilan, Puteri Islam, Usahanita, Persatuan Keluarga Polis (Perkep) Negeri Sembilan, Srikan-di, Perkim Negeri Sembilan, Persatuan Cina Muslim Malaysia (Macma) Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan negeri, Jabatan Penyiaran negeri, Penjara Seremban, Polis Diraja Malaysia dan Kem 1 Briged Rasah.

Yang lain adalah Kolej Mara Seremban, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), TM Berhad, Politeknik Port Dickson, Kawal Wiramas, Hospital Pakar Salam Senawang dan Hospital Pakar KPJ Seremban.

Media yang turut memberi sokongan dalam program ini ialah Utusan Malaysia, Bernama, Berita Harian, Radio Televisyen Malaysia (RTM), NegeriFM dan Sinar Harian.

Kata Raja Salbiah, melalui Jabatan Pendidikan negeri, ia akan melibatkan 26 buah sekolah berasrama penuh serta sekolah agama.

"UiTM menasaskan 2,500 orang pelajar menyertai tadarus al-Quran ini, manakala USIM pula akan melibatkan 1,000 orang pelajar," ujarnya.

Program Tadarus al Quran Per-

dana 2015 bermula 18 Jun hingga 4 Julai sempena bulan Ramadan al Mubarak, di mana acara kemuncaknya adalah 17 Ramadan iaitu pada 4 Julai bersamaan Nuzul al-Quran, di mana akan diadakan majlis khatam perdana yang berlangsung di dewan utama NSWO, di sini.

Tambahnya, tadarus al-Quran yang temanya, 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' itu menyaksikan peserta membuat pembacaan al-Quran di premis yang menyertai program tadarus itu, namun pada pada 4 Julai bermula pukul 3 petang akan diadakan majlis khatam al-Quran perdana.

"Majlis khatam itu kelak akan dihadiri oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan ucapan perasmian itu akan dipancarkan menggunakan aplikasi Skype secara langsung ke semua lokasi yang menyertai program ini. Dalam masa yang sama, Menteri Besar juga boleh melihat majlis khatam yang berlaku di lokasi lain yang sama-sama menjayakan program itu," ujar beliau.

Untuk itu, orang ramai bolehlah menghubungi NSWO di talian 06-7655225 dan faksimili, 06-7649090 atau menghubungi Datin Sabariah Shukor, 019-2543476 dan Gharizah Hashim, 017-6782114. Naskhah al-Quran itu juga boleh diperoleh melalui bayaran terus atas nama PERTUBUHAN WANITA NEGERI SEMBILAN (NSWO) dengan nombor akaun, 8007375133 (CIMB Bank Berhad).